



Proklamasi darurat bukan untuk gantung sidang Parlimen

[Datuk Prof Madya Dr Wan Ahmad Fauzi Wan Husain](mailto:bhrencana@bh.com.my) - Februari 26, 2021 @ 11:01am
bhrencana@bh.com.my

KENYATAAN Istana Negara, kelmarin, jelas menunjukkan Yang di-Pertuan Agong bertindak memperkenankan proklamasi darurat bukan bertujuan untuk menggantung sidang Parlimen.

Penegasan baginda bersedia untuk memanggil sidang Parlimen jika keadaan mengizinkan dan dinasihati Perdana Menteri, menjelaskan hasrat sebenar adalah untuk menangani penularan wabak COVID-19.

Semua pihak perlu sedar Yang di-Pertuan Agong mempunyai kewajipan di bawah sumpah baginda seperti Jadual IV Perlembagaan Persekutuan yang berbunyi "Dan lagi kami berikrar mengaku dengan sesungguhnya dan dengan sebenarnya memelihara pada setiap masa Agama Islam dan berdiri tetap di atas pemerintahan yang adil dan aman di dalam Negeri."

Kenyataan media Istana Negara bertarikh 12 Januari lalu begitu jelas menunjukkan Yang di-Pertuan Agong sudah berunding dengan banyak pihak berwibawa. Malah, permintaan kali pertama perisytiharan darurat oleh Jemaah Menteri, tidak diperkenan.

Dalam Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021 yang diwartakan pada 14 Januari 2021, tiada peruntukan menggantung Parlimen atau tegahan mengadakan pilihan raya. Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021 hanya menggantung kuat kuasa peruntukan yang menyentuh batasan masa untuk memanggil persidangan Parlimen dan diadakan suatu pilihan raya.

Dalam tempoh darurat diisytiharkan hingga 1 Ogos depan, Parlimen boleh dipanggil oleh Yang di-Pertuan Agong dan pilihan raya umum (PRU boleh diadakan pada tarikh seperti difikirkan sesuai baginda.

Begitu juga tiada tegahan untuk pertukaran kerajaan yang dalam konteks ini adalah penggantian Perdana Menteri dan Jemaah Menterinya. Meskipun terdapat dalam Ordinan berkenaan iaitu Seksyen 11(a) yang berbunyi, "Perdana Menteri dan Jemaah Menteri yang wujud sebaik sebelum Proklamasi Darurat dikeluarkan pada 11 Januari 2021 yang diberikan kuasa eksekutif hendaklah terus menjalankan kuasa eksekutif Persekutuan dan mana-mana orang yang diberikan fungsi eksekutif oleh undangundang hendaklah terus menjalankan fungsi itu."

Tiada peruntukan khas digubal untuk menggantung kuat kuasa Perkara 43(4) Perlembagaan Persekutuan yang berbunyi, "Jika Perdana Menteri tidak lagi mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat, maka Perdana Menteri hendaklah meletakkan jawatan melainkan atas permintaannya Parlimen dibubarkan oleh Yang di-Pertuan Agong."

Berhubung sidang Parlimen, begitu juga Dewan Undangan Negeri (DUN), peruntukan Ordinan menyentuh empat aspek.

Pertama, pilihan raya Parlimen, iaitu penggantungan batasan masa untuk diadakan pilihan raya Parlimen di bawah Perkara 54 dan Perkara 55 Perlembagaan Persekutuan.

Kedua, pilihan raya DUN, iaitu penggantungan batasan masa untuk diadakan pilihan raya negeri (PRN) di bawah Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang Negeri.

Ketiga, persidangan Parlimen, iaitu penggantungan batasan masa yang ditetapkan di bawah Perkara 55 Perlembagaan Persekutuan.

Keempat, persidangan DUN, iaitu penggantungan batasan masa yang ditetapkan di bawah Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang Negeri.

Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021 menggariskan dengan jelas objektifnya untuk mengadakan kuasa tambahan seperti termaktub dalam seksyen 17 yang berbunyi "Bagi tempoh darurat berkuat kuasa, kuasa yang diberikan di bawah Ordinan ini adalah tambahan kepada, dan bukanlah sebagai menggantikan, kuasa yang diberikan oleh atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang sedang berkuat kuasa."

Sekiranya terdapat mana-mana peruntukan dalam undang-undang bertulis, termasuk Perlembagaan Persekutuan yang hendak digantung sementara kuat kuasanya, maka peruntukan khas dimaksudkan sedemikian akan dinyatakan secara jelas dalam Ordinan terbabit.

Hal seperti itu dapat dilihat dalam beberapa peruntukan di bawah Seksyen-seksyen 12, 13, 14 dan 15 Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021.

Subseksyen 12(4) dipetik untuk menunjukkan contoh peruntukan khas itu, iaitu "Bagi mengelakkan keraguan, selama tempoh darurat berkuat kuasa, Fasal (3) Perkara 55 Perlembagaan Persekutuan hendaklah mempunyai kesan seolah-olah perkataan 'selama lima tahun dari tarikh mesyuarat pertamanya dan selepas itu adalah terubur' telah dipotong."

Ringkasnya, perkenan Yang di-Pertuan Agong bagi proklamasi darurat dan penggubalan ordinan berkenaan jelas tidak menggantung sidang Parlimen. Disebabkan Perkara 40 Perlembagaan Persekutuan tidak disentuh oleh Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021, maka pertimbangan untuk memanggil sidang Parlimen adalah terletak pada Perdana Menteri untuk menasihati baginda.

Kenyataan terbaru Istana Negara itu perlu diberi perhatian sewajarnya oleh Jemaah Menteri. Di samping itu, perlu dinyatakan Yang di-Pertuan Agong sudah memperkenankan penubuhan Jawatankuasa Khas Bebas untuk meneliti dan memantau situasi darurat pada masa kini.

Jawatankuasa Khas Bebas berkenaan bukan sahaja berfungsi menyampaikan nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong mengenai tempoh darurat, malah platform untuk mengukur ketelusan kerajaan dalam membuat tindakan penting, termasuk kewajaran menasihati baginda untuk memanggil sidang Parlimen.

Dalam pada itu, ordinan boleh digubal untuk melaksanakan sidang Parlimen dalam bentuk yang sesuai dalam tempoh penularan wabak COVID-19.